

JUDUL : Harian Metro

TARIKH : Rabu, 24 Februari 2016

M/S : 24

RABU **Harian Metro**
24 FEBRUARI 2016

Oleh Syazwan Msar

Buktikan Hang Tuah bukan sekadar mitos

Laksamana Hang Tuah sudah membuktikan kehadirannya di India menerusi penemuan manuskrip yang terdapat di Srivijaya yang menceritakan kehebatan pahlawan itu menjinakkan kuda milik Raja Malika Arjuna Raya pada 1424.

Penemuan penting itu sekali gus menunjukkan ‘orang kita’ berupaya menjadi antara individu terpenting pada abad ke-14 menerusi kebolehan dan kepakaran dalam pelbagai bidang.

Namun, hakikatnya bahan sejarah yang menceritakan mengenai pahlawan itu hanya dapat dirungkai kira-kira 600 tahun ke mudian menerusi ekspedisi pasukan pengkaji sejarah dari Universiti Putra Malaysia (UPM) yang diikuti penulis, baru-baru ini.

Sebelum ini dalam Hikayat Hang Tuah ada menceritakan bahawa pahlawan itu berkunjung ke India atas urusan rasmi kerajaan sebelum menuntut ilmu bagi memperlengkapkan diri, malah pernah juga ke China, Turki dan benua Amerika.

Perkara itu hanya sebagai catatan saja, namun ketidaaan bukti nyata seperti manuskrip dan artifak menyebabkan fakta itu dipertikaikan oleh segelintir pihak yang menganggap kewujudan Hang Tuah adalah mitos semata-mata.

Terbongkarnya penemuan bersejarah berkaitan Hang Tuah menunjukkan terdapat bahan sejarah berkaitan zaman kegemilangan tanah Melayu dan Kesultanan Melayu Melaka berada di luar negara masih belum ditemui atau dikaji secara mendalam oleh pihak berkaitan.

Itu hanyalah sebahagian daripada cebisan sejarah berkaitan Hang Tuah dan Zaman Kesultanan Melayu Melaka dan kemungkinan ada lagi fakta membabitkan negara kita yang belum terungkai, malah boleh dikatakan sudah ‘berkubur’ kerana tiada pihak yang mau membongkarinya.

Ketua Kluster Sejarah, Warisan dan Sosibudaya, Datuk Dr Teo Kok Seong mengatakan sejarah negara akan dianggap mitos atau cerita rakyat sehingga ada pihak yang bertungkus-lumus membuktikan perkara itu benar menerusi kajian sumber primer.

“Sejak kecil lagi kita dimomokkan pelbagai cerita berkaitan Hang Tuah, Puteri Gunung Ledang, Mahsuri dan kehebatan kerajaan Melaka, namun bukti nyata atau sumber primer sehingga kini

tiada bagi menguatkan lagi cerita terbabit,” katanya.

Jika diamati sememangnya tiada kajian secara menyeluruh, termasuk manuskrip, artifak dan tapak arkeologi yang terdapat di dalam negara diterokai dan dikaji bagi mendapatkan jawapan mengenai sejarah Malaysia.

Bagi Timbalan Pengarah Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) Faizal Hilmi Yusof, hanya lima peratus diari atau manuskrip yang terdapat di PNM sudah dikaji secara serius.

“Kami mempunyai 5,000 manuskrip yang disimpan di PNM, namun hanya 250 daripada jumlah itu dikaji oleh pakar menyebabkan pelbagai persoalan atau sejarah berkaitan pahlawan Melaya dulu belum terungkai.

“Kami juga mengesahkan terdapat manuskrip di 32 negara luar yang menyimpan maklumat berkaitan sejarah Melayu dan kemungkinan ada kaitannya dengan Hang Tuah, namun setakat ini tiada pihak mahu mendapatkannya secara serius,” katanya.

Penulis melihat ia sebagai menjawab teka-teki mengenai fakta sebenar sejarah negara iaitu jika ada pihak yang berani mencari jawapannya, maka segala persoalan yang bermain di fikiran kita selama ini dapat diselesaikan.

Jika tiada kajian yang dilakukan bagi mencari jawapan secara tepat dan jitu, maka rakyat negara ini hanya berpandukan kepada fakta sejarah yang diajar sejak zaman sekolah lagi, malah sama ada sahih atau tidak tiada siapa boleh membuktikannya.

Selain itu, artifak dan monumen seperti keris, meriam, ukiran besi dan kayu milik Malaysia yang

berada di luar negara harus dibawa pulang demi tatapan generasi muda sekarang selain menjadi rujukan kepada pengkaji sejarah.

Pensyarah Kanan Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Modern dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Rohaidah Kamaruddin berkata, artifak besejarah yang berada di luar negara kebanyakannya tidak dijaga oleh pihak berkaitan.

“Amat dukacita apabila artifak milik kita dibiarkan begitu saja tanpa penjagaan sempurna dan kasihan kepada generasi muda sekarang ini tidak dapat melihat kehebatan serta keunggulan teknologi yang kita miliki pada zaman dahulu,” katanya.

Oleh itu, pada pandangan peribadi penulis adalah lebih baik pihak akademik dengan kerjasama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan serta Muzium Negara bekerjasama mengenal pasti artifak, monumen atau manuskrip yang terdapat di luar negara berkaitan Malaysia untuk dikaji sebelum dibawa pulang untuk tatapan umum.

Inisiatif itu lebih baik daripada terus membahaskan polemik kewujudan Hang Tuah yang tiada berkesudahan atau hanya bergantung kepada satu sumber saja bagi membuktikan sejarah negara dahulu hingga menimbulkan pelbagai persoalan.

Jadikanlah negara Jepun atau Belanda sebagai contoh yang sensitif mencari sekecil-kecil bukti berkaitan sejarah kegemilangan negara mereka untuk membina negara bangsa lebih gemilang.

**Penulis Wartawan
Harian Metro**



MURAL Hang Tuah yang terdapat di Muzium Negara.